



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 18 April 2023 (Selasa) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p>JKM Sarawak Bersedia Salur Bantuan Musim Kemarau</p> <p>https://tvstv.my/2023/04/17/jkm-sarawak-bersedia-salur-bantuan-musim-kemarau/</p> <p>https://suarasarawak.my/jkm-sarawak-sedia-bantu-kawasan-terjejas-air/</p>	<p>TVSTV</p> <p>Suara Sarawak</p>	Neutral
2	<p>Tunggu Duit Sedekah Cukup Untuk Beli Baju Raya Siti Rohana Idris</p> <p>https://www.bharian.com.my/amp/berita/wilayah/2023/04/1091001/tunggu-duit-sedekah-cukup-untuk-beli-baju-raya</p>	Berita Harian	Neutral

	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/957854/tunggu-duit-zakat-sedekah-cukup-untuk-beli-baju-raya-metrotv	Harian Metro	
3	Tujuh Kanak-Kanak Antara 315 Kematian Di Depoh Imigresen Dalam Dua Tahun https://www.malaysiakini.com/news/662508	Malaysia Kini	Neutral
4	LZS Bantu Bayi Ada Satu Paru-Paru, Buah Pinggang https://malaysiagazette.com/2023/04/17/lzs-bantu-bayi-ada-satu-paru-paru-buah-pinggang/ https://selangorkini.my/2023/04/lzs-tanggung-kos-perubatan-bayi-satu-paru-paru-ada-masalah-selaput-otak/	Malaysia Gazette Selangor Kini	Neutral
5	Wanita Mati Jatuh Dari Tingkat 38 https://malaysiagazette.com/2023/04/17/wanita-mati-jatuh-dari-tingkat-38/	Malaysia Gazette	Neutral
6	Bomba Pujuk Wanita Mahu Terjun Jambatan https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/958036/bomba-pujuk-wanita-mahu-terjun-jambatan	Harian Metro	Neutral
7	5 Lelaki Pukul, Campak Wanita Ke Bawah Jambatan Ditahan https://harakahdaily.net/index.php/2023/04/17/5-lelaki-pukul-campak-wanita-ke-bawah-jambatan-ditahan/ https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/04/17/pukul-campak-wanita-bawah-jambatan-5-lelaki-ditahan/ https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/04/1091097/wanita-dipukul-dicampak-ke-bawah-jambatan-kerana-menegur https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-tahan-lima-lelaki-pukul-campak-wanita-ke-bawah-jambatan-415880	Harakah Daily FMT Berita Harian Astro Awani	Neutral

	https://selangorkini.my/2023/04/lima-lelaki-ditahan-pukul-campak-wanita-ke-bawah-jambatan/	Selangor Kini	
8	Kes Rogol Remaja: Polis Rakam Keterangan Doktor Wanita https://www.sinarharian.com.my/article/254881/berita/s-emas/kes-rogol-remaja-polis-rakam-keterangan-doktor-wanita	Sinar Harian	Neutral
9	Wanita Maut Jatuh Dari Tingkat 13 https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/61856-wanita-maut-jatuh-dari-tingkat-13	Berita RTM	Neutral
10	Ibu Tunggal, Asnaf Dibimbing Jadi Usahawan Berjaya https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2023/04/1091010/ibu-tunggal-asnaf-dibimbing-jadi-usahawan-berjaya	Berita Harian	Neutral
11	Warga Emas Cedera Bergelut Dengan Peragut https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/958024/warga-emas-cedera-bergelut-dengan-peragut https://www.sinarharian.com.my/article/254849/berita/s-emas/suspek-kes-ragut-warga-emas-diburu https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/polis-buru-suspek-kes-ragut-warga-emas/	Harian Metro Sinar Harian Utusan	Neutral
12	Empat Anak Menangis Minta Susu, Baju Raya https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/empat-anak-menangis-minta-susu-baju-raya/	Utusan	Neutral
13	Warga Emas Ditemui Mati Dalam Rumah https://malaysiagazette.com/2023/04/17/warga-emas-ditemui-mati-dalam-rumah/	Malaysia Gazette	Neutral
14	Warga Emas Maut Terjun Tingkat 8 UTC https://www.melakahariini.my/warga-emas-maut-terjun-tingkat-8-utc/	Melaka Hari Ini	Neutral

JKM SARAWAK BERSEDIA SALUR BANTUAN MUSIM KEMARAU

<https://tvstv.my/2023/04/17/jkm-sarawak-ber sedia-salur-bantuan-musim-kemarau/>

Sumber : TVSTV



KUCHING, 17 April: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bersedia untuk menyalurkan bantuan kepada penduduk terjejas pada musim kemarau yang dijangka melanda Sarawak.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak, Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, bantuan itu akan diagihkan di kawasan pedalaman yang terputus bekalan air paip serta mereka yang bergantung kepada kaedah tadahan air hujan.

Kata beliau, bagi kawasan bandar pula, penduduk yang terjejas pula diminta supaya memaklumkan kepada JKM atau Residen setiap daerah atau bahagian yang juga merupakan Pengerusi Jabatan Bencana di kawasan berkenaan.

“Bagi memudahkan penyaluran bantuan kelak, JKM akan bekerjasama dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak.

“JKR akan membekalkan air dalam tangki manakala air botol daripada JKM dikhas kepada kawasan luar bandar,” katanya kepada pemberita selepas selepas hadir Majlis Sejambak Kasih Aidilfitri 2023 di Majma Mall hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak, Mohammad Razi Sitam.

Mengulas lanjut, Fatimah memberitahu, bekalan air yang disediakan ialah bagi tempoh seminggu dan jika gangguan berlarutan, tuai rumah atau Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) perlu memaklumkan kepada JKM atau Pengerusi Jabatan Bencana kawasan masing – masing.

“Sehingga Ahad lepas, sebanyak 2,258 kotak air telah disalurkan kepada empat kawasan di Perpat Kabong,” katanya.

Sementara itu, seramai 100 orang yang menerima bantuan wang tunai RM100 serta pelbagai bantuan lain pada majlis berkenaan. -TVS

TUNGGU DUIT SEDEKAH CUKUP UNTUK BELI BAJU RAYA SITI ROHANA IDRIS <https://www.bharian.com.my/amp/berita/wilayah/2023/04/1091001/tunggu-duit-sedekah-cukup-untuk-beli-baju-raya>

Sumber : Berita Harian



TUMPAT: "Sehingga kini kami enam beranak belum membuat persiapan raya dan tiga anak saudara yang dijaga setiap hari bertanyakan baju raya," kata ibu tunggal dari Kampung Teluk Jering, Che Rohayu Mustafa.

Che Rohayu, 44, berkata semua tiga anak saudaranya yang berusia 12 hingga 16 tahun dan dalam kategori orang kurang upaya (OKU) kerana masalah pembelajaran menangis sejak beberapa hari lalu kerana risau tidak sempat membeli persalinan raya.

Dia berkata, mereka tiada sumber pendapatan tetap sebaliknya hanya bergantung kepada bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang diterimanya dan ibu yang uzur iaitu masing-masing RM250 dan RM500 sebulan.

"Saya memujuk mereka (anak saudara) dengan mengatakan tunggu sedikit masa lagi sehingga duit zakat dan sedekah orang ramai mencukupi untuk kami beli kelengkapan raya.

"Tiga beradik ini memang menetap bersama dan sejak ibu mereka meninggal dunia empat tahun lalu, saya yang menguruskan semua anak saudara ini manakala bapa kandung mereka tinggal di daerah lain.

"Buntu untuk memujuk mereka, saya minta mereka doa dengan mengatakan berdoa di bulan puasa insya-Allah makbul," katanya ketika ditemui pada majlis sumbangan Aidilfitri di sini, hari ini.

Che Rohayu berkata, mereka menerima sedikit kiriman wang daripada bapa tiga beradik terbabit semalam dan menyifatkan doa mereka termakbul.

Katanya, dua daripada anak saudaranya itu juga bakal menerima wang zakat dari pihak sekolah dan sedikit sebanyak dapat menampung keperluan raya mereka yang hanya mampu beraya ala kadar sahaja.

"Untuk beberapa hari Ramadan terakhir ini dapat juga kami berbuka puasa dan bersahur dengan lauk-pauk sedap berbanding sardin atau telur yang boleh dikatakan menu wajib kami," katanya.

Che Rohayu adalah antara 200 penerima sumbangan biskut raya oleh Pasar Raya Supermas pada majlis agihan yang diadakan hari ini, membabitkan tiga kampung dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Kajang Sebidang/Teluk Jering.

Pengerusi NGO itu, Mohamad Raduan Mohamad berkata, sepanjang Ramadan ini, bantuan seumpama itu sudah beberapa kali diadakan dengan kerjasama pihak berlainan.

"Kita sentiasa menerima sumbangan dan bantuan sama ada dalam bentuk kewangan atau barangan daripada syarikat atau orang perseorangan.

"Selain Ramadan, bantuan turut diberikan kepada asnaf sekitar yang menjadi mangsa banjir kerana ketiga-tiga kampung ini sentiasa dilanda banjir sehingga menyebabkan kerosakan harta benda," katanya.

TUJUH KANAK-KANAK ANTARA 315 KEMATIAN DI DEPOH IMIGRESEN DALAM DUA TAHUN

<https://www.malaysiakini.com/news/662508>

Sumber : Malaysia Kini



Tujuh kanak-kanak adalah antara 315 kematian yang dilaporkan di depoh tahanan imigresen di seluruh negara antara 1 Jan 2021 dan 31 Dis 2022, menurut Menteri Dalam Negeri Saifuddin Nasution.

Menurutnya, tujuh kanak-kanak yang meninggal dunia itu terdiri daripada lima lelaki dan dua perempuan.

Kematian lain termasuk 268 tahanan lelaki dan 40 tahanan wanita.

“Antara punca kematian yang dikenal pasti oleh pihak hospital ialah jangkitan Covid-19, batuk kering, penyakit jantung dan buah pinggang, kanser dan jangkitan paru-paru (pneumonia).

“Pengendalian kes kematian dilakukan mengikut prosedur undang-undang di mana laporan polis akan dibuat oleh pegawai yang bertugas semasa kematian berlaku, selain pihak hospital akan mengeluarkan laporan perubatan menjelaskan punca kematian dan pengesahan kematian dibuat oleh hakim mahkamah koroner untuk menentukan tiada penyeksaan atau unsur jenayah yang berlaku,” kata Saifuddin.

Dia berkata demikian dalam jawapan bertulis parlimen kepada Ahli Parlimen Kluang Wong Shu Qi, yang meminta jumlah kematian di depoh imigresen mengikut kewarganegaraan dan lokasi depoh untuk 2021 dan 2022.

Dilaporkan pada akhir Julai 2022 bahawa enam kanak-kanak lelaki telah meninggal dunia di depoh imigresen antara 2020 dan 12 Julai 2022.

Tidak jelas sama ada kematian tujuh kanak-kanak itu, seperti yang didedahkan oleh Saifuddin, termasuk beberapa yang dilaporkan sebelum ini kerana pertindihan dalam tempoh masa data yang diberikan.

Laporan daripada pelbagai sumber, termasuk Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta, telah mendakwa bahawa keadaan di depoh imigresen adalah "mengerikan".

Saifuddin juga baru-baru ini mengumumkan bahawa kerajaan sedang menjalankan usaha untuk memindahkan kanak-kanak yang ditahan dalam tahanan imigresen ke pusat perlindungan luar.

LZS BANTU BAYI ADA SATU PARU-PARU, BUAH PINGGANG

<https://malaysiagazette.com/2023/04/17/lzs-bantu-bayi-ada-satu-paru-paru-buah-pinggang/>

Sumber : Malaysia Gazette



KUALA LUMPUR – Seorang bayi yang mengalami pelbagai masalah kesihatan termasuk memiliki satu paru-paru dan buah pinggang menerima bantuan daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Menerusi hantaran di Facebook, agensi itu memaklumkan, pihaknya akan menanggung keperluan perubatan bayi berkenaan yang turut mengalami masalah berkaitan selaput otak.

“Bayi berkenaan juga mempunyai tulang rusuk terbentuk tidak normal dan masalah pembuangan najis,” katanya.

Menurut LZS, pihaknya membuat lawatan selepas mendapat panggilan daripada ibu bayi berkenaan yang juga ibu tunggal kepada dua anak.

Selain memberikan keperluan perubatan untuk bayi berkenaan bantuan turut dihulur untuk membiayai sewa rumah serta keperluan yang lain, katanya. – MalaysiaGazette

BOMBA PUJUK WANITA MAHU TERJUN JAMBATAN

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/958036/bomba-pujuk-wanita-mahu-terjun-jambatan>

Sumber : Harian Metro



Kuching: Anggota bomba berjaya memujuk seorang wanita yang cuba terjun dari Jambatan Darul Hana, Jalan Gambir di sini, hari ini.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi (PGO) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak berkata, pihaknya menerima laporan berhubung kes itu jam 3.18 petang dengan menggerakkan Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Padungan ke lokasi kejadian.

"Setiba di lokasi didapati seorang wanita berusia 23 tahun sedang berdiri di atas kerusi di tepi penghadang dalam cuba terjun dari atas jambatan itu.

"Anggota bomba berjaya memujuk dan membawa mangsa ke tempat selamat pada 3.39 petang," katanya dalam kenyataan hari ini.

Katanya, operasi menyelamatkan turut dibantu polis dan pengawal keselamatan.

"Wanita terbabit tidak mengalami sebarang kecederaan dan berada dalam keadaan stabil.

"Mangsa diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan selanjutnya," katanya.

5 LELAKI PUKUL, CAMPAK WANITA KE BAWAH JAMBATAN DITAHAN

<https://harakahdaily.net/index.php/2023/04/17/5-lelaki-pukul-campak-wanita-ke-bawah-jambatan-ditahan/>

Sumber : Harakah Daily



SHAH ALAM: Polis menahan lima lelaki warga tempatan kerana disyaki terlibat memukul dan mencederakan seorang wanita serta mencampakkan mangsa ke bawah Jambatan Kampung Sawah, Banting, kira-kira 30 kilometer dari sini.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat Supt Ahmad Ridhwan Mohd Nor @ Saleh berkata pihaknya menerima maklumat daripada orang awam pada Khamis lepas, 3.25 pagi, mengatakan telah terdengar suara orang meminta tolong di bawah jambatan itu.

Katanya wanita tempatan berumur 52 tahun yang bekerja sebagai tukang cuci di sebuah bank tempatan itu diselamatkan oleh orang awam yang kemudian menghantar mangsa ke Hospital Banting, selepas sekitar sejam kejadian berkenaan.

“Hasil temu bual awal, kejadian berpunca kerana mangsa menegur tindakan suspek yang kerap membuat bising serta selalu meminum minuman keras dan mengambil dadah di dalam rumah sewa yang didiami oleh mangsa dan suspek,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Ahmad Ridhwan berkata mangsa telah dipukul dan dcederakan dengan menggunakan senjata tajam dan rotan oleh beberapa lelaki warga tempatan kemudian dicampakkan di jambatan tersebut.

“Bertindak atas maklumat, sepasukan polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Langat telah berjaya membuat tangkapan terhadap lima orang lelaki warga tempatan pada petang hari yang sama di sekitar Banting dan merampas sebuah kenderaan jenis Proton Perdana dan sebatang rotan,” katanya.

Katanya kesemua suspek berumur antara lingkungan 30-an dan mempunyai rekod jenayah lampau berkaitan jenayah dan dadah, selain tiga daripada mereka positif dadah jenis methamphetamine dan ganja.

“Kesemua suspek ditahan reman selama empat hari dan disiasat di bawah Seksyen 364 dan 326 Kanun Keseksaan kerana menyebabkan kecederaan parah,” katanya. – **BERNAMA**

KES ROGOL REMAJA: POLIS RAKAM KETERANGAN DOKTOR WANITA

<https://www.sinarharian.com.my/article/254881/berita/semasa/kes-rogol-remaja-polis-rakam-keterangan-doktor-wanita>



HULU SELANGOR - Polis telah merakam keterangan seorang doktor wanita bagi membantu siasatan berkaitan kes rogol melibatkan seorang remaja pada 12 Mac lalu.

Ketua Polis Daerah Hulu Selangor, Superintendan Ahmad Faizal Tahir berkata, pihaknya telah selesai merakam keterangan doktor tersebut.

"Doktor berkenaan telah tampil membantu siasatan dan memberikan kerjasama yang baik," katanya ringkas ketika dihubungi pada Isnin.

Pada Ahad, media melaporkan polis dihubungi seorang doktor dari klinik di Jitra, Kedah memaklumkan pesakitnya (remaja perempuan) mengadu sakit perut, loya dan tidak datang bulan.

Remaja berumur 16 tahun itu memaklumkan kepada doktor tersebut bahawa dia pernah melakukan hubungan seks bersama teman lelaki, bagaimanapun hasil pemeriksaan mendapati dia tidak mengandung.

Susulan itu, polis giat mengesan doktor wanita itu yang merupakan saksi penting dalam kes tersebut bagi membantu siasatan.

WANITA MAUT JATUH DARI TINGKAT 13

<https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/61856-wanita-maut-jatuh-dari-tingkat-13>

Sumber : Berita RTM



BATU CAVES, 17 April- Seorang wanita berusia 20 tahun ditemukan maut dipercayai terjatuh dari bumbung tingkat 13 sebuah kondominium di Taman Sri Gombak, di sini, semalam.

Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Selangor menerima panggilan mengenai kejadian pada pukul 3.01 petang sebelum anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) bersama jentera digegaskan ke lokasi kejadian.

Komander Operasi, Pegawai Bomba Kanan (PBK) II Nasir Razali berkata, insiden itu didapati berlaku di Blok A, Kristal Height Kondominium 3, di sini.

Mangsa disahkan meninggal dunia di tempat kejadian oleh pihak kesihatan dan mayat diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut.



(Foto FB Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia)

IBU TUNGGAL, ASNAF DIBIMBING JADI USAHAWAN BERJAYA

<https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2023/04/1091010/ibu-tunggal-asnaf-dibimbing-jadi-usahawan-berjaya>

Sumber : Berita Harian



PETALING JAYA: Program Liga Usahawan Wanita Selangor yang julung kali diadakan khas untuk wanita daripada keluarga berpendapatan rendah, ibu tunggal dan asnaf dari seluruh Selangor bertujuan untuk membantu membangunkan taraf ekonomi hidup mereka.

Program dengan kerjasama Selangor Youth Community (SAY) itu juga bermatlamat memperkasakan wanita dalam kategori berkenaan menerusi pembinaan kemahiran, ilmu dan sumber yang diperlukan untuk menjana pendapatan mampan melalui peluang perniagaan.

Program berimpak tinggi itu berteraskan latihan keusahawanan, sokongan mentor dari industri, sokongan kewangan dari segi pinjaman serta geran dan juga rangkaian strategik komuniti perniagaan.

Penolong Pengarah Unit Usahawan, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor, Intan Nur Aqiela Ismail, berkata tujuan utama program itu diadakan bagi membantu usahawan wanita terus maju dalam perniagaan mereka.

Katanya, data mendapati terdapat ramai peniaga dalam kalangan wanita membuatkan pihaknya tampil dengan program khas membantu mereka.

"Kami berhasrat membantu wanita, terutama golongan B40, ibu tunggal dan asnaf supaya keluar daripada kepompong kemiskinan," katanya selepas merasmikan Program Liga Usahawan Wanita Selangor di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif SAY, Nurul Azwa Mohd Rodzi.

Intan Nur Aqiela berkata, sebagai permulaan pihaknya memberikan bantuan RM100,000 kepada SAY untuk melaksanakan program perintis itu.

Program bakal diperluas

Beliau berkata, pihaknya akan melihat hasilnya dan jika memberangsangkan ia diperluaskan kepada golongan lain supaya semua pihak mendapat manfaat yang sama.

Nurul Azwa berkata, menerusi fasa pertama program itu, 100 usahawan wanita diberikan pendedahan melalui seminar mengenai perniagaan.

Katanya, daripada jumlah itu, 20 peserta dipilih untuk menyertai kursus bimbingan keusahawanan bersama mentor dan diakhiri dengan 10 peserta.

"Seramai 10 peserta itu kemudiannya diberi peluang untuk membuat pembentangan perniagaan di hadapan Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin.

"Jika berjaya, peserta bakal dinobatkan sebagai Ikon Usahawan Wanita Selangor," katanya.



Siti Nabiha (dua dari kiri), Lakshwin dan Rabiatul Adawiyah pada Program Liga Usahawan Wanita Selangor di Petaling Jaya, baru-baru ini. - NSTP/Amirudin Sahib

Terdahulu, program itu dimulakan dengan seminar bertajuk 'Usahawan Wanita dalam Perniagaan: Peluang dan Cabaran'.

Panel seminar itu adalah Ketua Pegawai Operasi Women of Will (WOW), M Lakshwin; usahawan makanan yang mendapat latihan di bawah Wanita Berdaya Selangor (WBS), Rabiatul Adawiyah Abdul Rahman dan usahawan yang menjalankan perniagaan urutan tradisional serta menjadi 10 peserta terakhir Liga Usahawan OKU Selangor (SAY LEAD), Siti Nabiha Zulmajdi.

Lakshwin pada seminar itu berkata, mereka yang berhasrat menjadikan perniagaan sebagai sumber utama pendapatan perlu mempunyai strategi.

Katanya, tiga perkara yang paling utama adalah mengetahui objektif, bermula dengan modal dalam kemampuan dan terus belajar perkara baharu.

"Objektif amat penting supaya kita tahu apakah tujuan utama kita memulakan perniagaan dan berusaha mencapai matlamat itu.

"Kemudian apabila mahu memulakan perniagaan, elak membuat pinjaman dan mula dengan modal yang mampu sahaja.

"Selain itu, untuk terus maju dalam perniagaan, usahawan wanita perlu terus belajar selagi mampu bagi mengelak ketinggalan," katanya.

WARGA EMAS CEDERA BERGELUT DENGAN PERAGUT

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/958024/warga-emas-cedera-bergelut-dengan-peragut>

Sumber : Harian Metro



Kampar: Seorang wanita warga emas cedera selepas bergelut dengan peragut rantai leher emas miliknya di tepi Jalan Idris, di sini, minggu lalu.

Mangsa yang berusia 62 tahun dikatakan melompat naik ke atas motosikal yang dinaiki suspek selepas lelaki itu menarik rantai dan menyebabkan berlaku pergelutan dan terbabas.

Namun suspek bertindak meninggalkan motosikalnya dan melarikan diri bersama rantai itu.

Ketua Polis Daerah Kampar, Superintendan Mohamad Nazri Daud berkata kejadian berlaku sekitar jam 9.45 pagi, 10 April lalu ketika mangsa memberhentikan motosikalnya yang ditunggangnya di tepi jalan ketika dalam perjalanan daripada pekan Kampar menghala Jalan Gopeng.

"Suspek yang menaiki motosikal Yamaha LC135 warna ungu kemudiannya datang tiba-tiba menarik rantai leher emas yang dipakai mangsa.

"Siasatan mendapati mangsa diekori suspek dan apabila wanita itu memberhentikan motosikal, suspek terus merapati dan menarik rantai berkenaan.

"Tindakan mangsa terus melompat naik motosikal suspek menyebabkan ia terbabas. Pergelutan menyebabkan warga emas itu mengalami luka di lutut kiri dan kanan akibat terjatuh.

Katannya, usaha mengesan suspek masih diteruskan sehingga kini.

Terdahulu, kejadian samun itu tular selepas satu rakaman video dipercayai hasil rakaman kamera litar tertutup (CCTV) premis berhampiran yang berdurasi 1 minit 12 saat dikongsi di media sosial.

Berdasarkan visual itu, suspek kelihatan terpaksa meninggalkan motosikal ditunggangnya yang terbabas selepas orang ramai mula mendekati lokasi kejadian bagi memberi bantuan kepada mangsa.

EMPAT ANAK MENANGIS MINTA SUSU, BAJU RAYA

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/empat-anak-menangis-minta-susu-baju-raya/>

Sumber : Utusan



JERANTUT: Empat anak Nur Ashikin Omar, 36, berusia antara setahun hingga 10 tahun sering kali menangis apabila meminta ibunya membeli susu dan baju baharu bagi menyambut [Aidilfitri](#) yang bakal tiba, minggu ini.

Namun apakan daya, dia yang tidak bekerja dan tinggal di kawasan ladang sawit berdekatan jalan raya Felde Kota Gelanggi Dua di sini tidak mampu memenuhi permintaan anaknya kerana berdepan kesusahan hidup berikutan suaminya, Nurul Ridzuan Ab. Rahman, 35, ditahan pihak berkuasa sebulan lalu akibat kesalahan dadah.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Nur Ashikin berkata, sebelum ini, kehidupan dia dan empat anak ditanggung suaminya yang menoreh getah di kebun milik bapa mentua dengan pendapatan antara RM100 hingga RM150 seminggu.

Katanya, biarpun pendapatan Nurul Ridzuan tidak seberapa, mereka masih mampu meneruskan kehidupan walaupun dalam keadaan sederhana, namun setelah ketiadaan suaminya keluarga itu hilang punca pendapatan.

“Jadi bila anak minta baju raya, hendak beli pakaian raya dengan apa? Barang keperluan dapur pun tidak mampu dan memasak bagi juadah berbuka puasa pun ala kadar sahaja.

“Cuma kadang-kadang kami dibantu oleh keluarga ipar berdekatan yang bersimpati terhadap anak-anak saya,” katanya di sini semalam.

Mengulas lanjut, Nur Ashikin berkata, dia tidak mampu keluar bekerja kerana perlu menjaga empat anaknya termasuk Ainul Mardhiah yang berusia enam tahun dikategorikan sebagai orang kurang upaya (OKU) kerana mengalami gangguan saraf, kelemahan pergerakan dan kecacatan bahagian mata akibat kemalangan jalan raya dua tahun lalu.

Tambah menyedihkan, dia dan anaknya kini tinggal di sebuah rumah yang belum siap dibina oleh suami di tanah milik bapa mentuanya.

“Ketiadaan suami menyebabkan saya tertekan bukan memelihara anak yang masih kecil termasuk seorang OKU yang perlu menjalani rawatan saraf dan mata malah memikirkan keadaan keselamatan diri serta anak-anak yang masih tidak terjamin kerana tinggal di rumah belum siap dibina oleh suami dan kekurangan serba-serbi serta timbul kebimbangan pada waktu malam,” katanya.

Nur Ashikin juga bimbang dengan kesan tekanan psikologi anak sulungnya, Adam Mukhriz, 10, murid Tahun Empat Sekolah Kebangsaan (SK) Felda Kota Gelanggi Dua di sini yang sudah memahami apa yang berlaku terhadap ayahnya termasuk suasana kesusahan keluarga.

Katanya, dia juga perlu menyediakan perbelanjaan bulanan RM1,300 untuk membeli barang dapur, susu dan lampin pakai buang bagi digunakan oleh anaknya yang berusia setahun, dua tahun termasuk rawatan anak OKU yang kini semakin merosot kesihatannya.

“Saya amat berharap ada dermawan dan pihak berwajib yang dapat membantu meringankan kesusahan saya khususnya menyediakan keperluan makanan, kebajikan serta perubatan anak OKU ini,” katanya.

Orang ramai dan dermawan yang ingin beramal jariah boleh menghubungi Nur Ashikin menerusi talian 0132034639 atau menyalurkan sumbangan terus ke akaun Maybank bernombor 152116524825. – [UTUSAN](#)

WARGA EMAS DITEMUI MATI DALAM RUMAH

<https://malaysiagazette.com/2023/04/17/warga-emas-ditemui-mati-dalam-rumah/>

Sumber : Malaysia Gazette



KUALA LUMPUR – Panggilan tidak bersahut akhir membawa kepada penemuan seorang wanita warga emas dalam keadaan tidak bernyawa di kediamannya di Kampung Dagang Setia, Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor semalam.

Ketua Polis Daerah Hulu Selangor, Superintendan Ahmad Faizal Tahrim berkata, semasa kejadian pukul 4.59 petang itu, rumah mangsa telah didatangi adik iparnya.

“Adik ipar mangsa telah memanggil wanita warga emas itu berulang kali namun panggilannya tidak dibalas sebelum pemeriksaan di dalam rumah mendapati mangsa berada dalam keadaan terbaring dan tidak sedar diri dalam bilik tidurnya.

“Adik ipar mangsa kemudian segera menghubungi pihak hospital memaklumkan mengenai kejadian itu untuk tindakan lanjut,” katanya dalam kenyataan malam tadi.

Tambah Ahmad Faizal, mangsa yang berumur 60 tahun itu disahkan telah meninggal dunia dan hasil siasatan awal mendapati tiada sebarang unsur jenayah berlaku.

“Siasatan lanjut berkaitan kejadian masih dijalankan oleh polis dan kes buat masa ini telah diklasifikasikan sebagai laporan kematian mengejut,” tegasnya.- MalaysiaGazette

WARGA EMAS MAUT TERJUN TINGKAT 8 UTC

<https://www.melakahariini.my/warga-emas-maut-terjun-tingkat-8-utc/>

Sumber : Malaka Hari Ini



BANDARAYA MELAKA 17 April – Seorang lelaki warga emas maut selepas terjun dari tingkat 8 Pusat Transformasi Bandar (UTC) Bandaraya Melaka, di sini, hari ini.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah Asisten Komisioner Christopher Patit berkata, kejadian itu berlaku kira-kira jam 1 tengah hari selepas dimaklumkan anggota polis yang bertugas di kiosk berkenaan.

Katanya, mangsa disahkan meninggal dunia di tempat kejadian oleh pegawai perubatan.

“Siasatan awal mendapati tiada unsur-unsur jenayah terhadap mangsa berusia 81 tahun.

“Mayat mangsa telah dibawa ke Jabatan Perubatan Forensik Hospital Melaka bagi menjalani saringan COVID-19 dan bedah siasat,” katanya.

Beliau berkata, POL61 turut dikeluarkan bagi mengetahui sebab-sebab kematian.

Terdahulu, pengunjung dan warga kerja UTC Bandaraya Melaka gempar dengan tindakan lelaki warga emas terjun dari tingkat 8 bangunan berkenaan.